



11 Oktober 2021
11 October 2021
P.U. (A) 388

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
PELAJARAN (PINDAAN) 2021

*EDUCATION SERVICE COMMISSION (AMENDMENT)
RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (8) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2021**.

Pindaan kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 [*P.U. (A) 189/2007*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 1, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran**” dengan perkataan “**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**”.

Sebutan mengenai Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007

3. Segala sebutan mengenai Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2007.

Pindaan kaedah 2

4. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “Suruhanjaya”, dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran” dengan perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan”.